

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92**

**Mac/April, 1992**

**AKU402 – PENCUKAIAN**

**Masa: [ 3 jam ]**

---

**ARAHAN**

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Jawab ENAM soalan. Soalan-soalan daripada BAHAGIAN A adalah WAJIB dan jawab SATU soalan daripada BAHAGIAN B.**

**Kesemua soalan adalah berdasarkan kepada Akta Cukai Pendapatan (ACP) selepas pindaan sehingga 15 Ogos, 1991. Lampiran A dan B hendaklah dirujuk bagi soalan-soalan yang berkaitan dengannya.**

**BAHAGIAN A**

**Jawab SEMUA soalan.**

- 1. Azman dan tiga orang isteri beliau Melor, Mawar dan Melati tinggal di Selangor. Pada tahun asas 1990, mereka bermastautin di Malaysia.**

**...2/-**

**AKU402**

Berikut ialah maklumat mengenai pendapatan mereka serta perkara-perkara yang berkaitan bagi tahun taksiran 1991.

|  | <u>Azman</u><br>\$ | <u>Melor</u><br>\$ | <u>Mawar</u><br>\$ | <u>Melati</u><br>\$ |
|--|--------------------|--------------------|--------------------|---------------------|
| <b>(a) Perniagaan tuan punya tunggal:</b>                |                    |                    |                    |                     |
| <b>Perniagaan (kerugian)</b>                             |                    |                    |                    |                     |
| Larasan  | 30,000             | 9,000              | ( 5,000 )          | 6,000               |
| Caj imbangan   | 1,000              | -                  | 15,000             | 2,000               |
| Elaun modal (TT 1991)                                    | 5,000              | 2,000              | 2,000              | 3,000               |
| Elaun modal (dipindah dari TT 1990)                      | -                  | 1,000              | -                  | -                   |
| <b>(b) Perniagaan perkongsian:</b>                       |                    |                    |                    |                     |
| <b>Pendapatan (Kerugian):</b>                            |                    |                    |                    |                     |
| Larasan  | 10,000             | 5,000              | -                  | (10,000)            |
| Caj imbangan   | 1,000              | -                  | -                  | 2,000               |
| Elaun modal (TT 1991)                                    | 4,000              | 6,000              | -                  | 2,000               |
| Elaun modal (dipindah dari TT 1990)                      | -                  | -                  | -                  | 3,000               |
| <b>(c) Pendapatan dari punca-punca bukan perniagaan:</b> |                    |                    |                    |                     |
| <b>Penggajian (larasan)</b>                              | 24,000             | 12,000             | -                  | 18,000              |
| Dividen (bersih)   | 9,000              | 3,000              | 6,000              | 3,000               |
| <b>Faedah dari punca:</b>                                |                    |                    |                    |                     |
| di Malaysia  | 5,000              | -                  | 6,000              | -                   |
| di luar Malaysia   | -                  | -                  | 3,000              | -                   |
| <b>Sewa (kasar)</b>                                      | 6,000              | -                  | 12,000             | -                   |
| <b>Perbelanjaan terhadap hasil sewa:</b>                 |                    |                    |                    |                     |
| Cukai pintu  | 200                | -                  | 300                | -                   |
| Cukai tanah  | 150                | -                  | 150                | -                   |
| Pembaikan  | 500                | -                  | 400                | -                   |
| Pengubahsuai   | 1,000              | -                  | 2,000              | -                   |
| Insurans kebakaran                                       | 650                | -                  | -                  | -                   |

...3/-

**Maklumat tambahan**

- (a) Kerugian larasan mengenai perniagaan dipindah dari tahun taksiran 1990 adalah:

|       |          |
|-------|----------|
| Azman | \$ 5,000 |
| Melor | \$12,000 |

- (b) Encik Azman dan Puan Melati bekerja di Petronas manakala Puan Melati bekerja di Pejabat Pos Kelang.
- (c) Semua dividen adalah diterima dari syarikat-syarikat yang bermastautin di Malaysia, Puan Melati menerima dividen beliau dari sebuah syarikat perintis.
- (d) Hasil sewa adalah dari sewaan rumah yang terletak di Malaysia.
- (e) Berhubung dengan faedah dari punca di luar Malaysia hanya \$3,000 dikirim ke Malaysia.
- (f) Anak-anak Encik Azman:

| <u>Nama</u> | <u>Umur</u> | <u>Pelajaran</u>              | <u>Jumlah dibelanjakan</u> |
|-------------|-------------|-------------------------------|----------------------------|
| Hafizah     | 25          | Universiti di London          | \$5,000                    |
| Haslina     | 23          | Universiti di Australia       | 800                        |
| Hashimah    | 20          | Universiti di Taiwan          | 1,200                      |
| Hamidah     | 15          | Tidak bersekolah kerana cacat | 3,000                      |
| Halimah     | 12          | Sekolah di England            | 4,000                      |
| Haron       | 8           | Sekolah di Kelang             | 1,000                      |
| Hisham      | 5           | Tadika di Shah Alam           | 1,200                      |

Hafizah bekerja pada masa cuti penggal di mana pendapatan beliau berjumlah \$2,000 pada tahun 1990.

Pada 1 Disember, 1990, beliau telah berkahwin dengan Encik Ramli, seorang Polis Inspektor.

Anak-anak lain Encik Azman masih belum berkahwin.

**AKU402**

**(g) Derma (dilulus):**

|               |                |
|---------------|----------------|
| <b>Azman</b>  | <b>\$9,000</b> |
| <b>Mawar</b>  | <b>\$1,000</b> |
| <b>Melati</b> | <b>\$3,000</b> |

**(h) Caruman KWSP:**

|               |                |
|---------------|----------------|
| <b>Azman</b>  | <b>\$1,000</b> |
| <b>Melor</b>  | <b>\$ 700</b>  |
| <b>Melati</b> | <b>\$ 700</b>  |

**(i) Premium insurans:**

| <b><u>Insurans nyawa</u></b> | <b><u>Nilai diinsuranskan</u></b> | <b><u>Premium dibayar</u></b> |
|------------------------------|-----------------------------------|-------------------------------|
| <b>Azman</b>                 | <b>\$10,000</b>                   | <b>\$1,000</b>                |
| <b>Melor</b>                 | <b>\$ 5,000</b>                   | <b>\$ 200</b>                 |
| <b>Hafizah</b>               | <b>\$20,000</b>                   | <b>\$4,000</b>                |

**Premium insurans Hafizah telah dibayar oleh Encik Azman.**

- (j) Pada tahun taksiran 1991 isteri-isteri Encik Azman memilih taksiran berasingan.**
- (k) Pada tahun asas 1990 jumlah zakat yang dibayar oleh Encik Azman berjumlah \$700.**

**Dikehendaki:**

- (i) Pada tahun taksiran 1991, tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai serta cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Azman serta isteri-isteri beliau.**
- (ii) Pada tahun taksiran 1991, tentukan jumlah cukai kemajuan yang perlu dibayar oleh Encik Azman serta isteri-isteri beliau.**

**[28 markah]**

**...5/-**

AKU402

2. Encik Wong telah memberikan anda maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990:

|   | \$     |
|---|--------|
| Gaji pengarah   | 72,000 |
| Dividen bersih  | 30,000 |
| Faedah ke atas simpanan tetap<br>selama tempoh 24 bulan | 20,000 |
| Hasil sewa (bersih)                                     | 42,500 |
| Royalti   | 16,250 |

Encik Wong telah dibayar \$55,000 sebagai pampasan kehilangan pekerjaannya. Beliau adalah pengarah syarikat tersebut selama tempoh 10 1/2 tahun.

Encik Wong adalah juga seorang rakan kongsi di firma Wong, Arshad & Associates. Akaun perkongsian bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990 menunjukkan maklumat seperti berikut:

|                                       | \$      | \$            |
|---------------------------------------|---------|---------------|
| Pendapatan bersih                     |         | 400,000       |
| Gaji rakan kongsi - Wong              | 125,000 |               |
| - Arshad                              | 150,000 |               |
| Faedah ke atas modal - Wong           | 10,000  |               |
| - Arshad                              | 25,000  |               |
| Premium insuran nyawa - Wong          | 5,000   |               |
| - Arshad                              | 5,000   | 320,000       |
| Pendapatan bersih                     |         | 80,000        |
| Elaun modal ke atas aset rakan kongsi |         | <u>61,200</u> |

Bagi tujuan perakaunan, aset tetap perkongsian telah disusut nilaikan sepenuhnya.

Mengikut perjanjian nisbah pembahagian keuntungan di dalam tahun itu adalah seperti berikut:

| <u>Tempoh</u>                        | <u>Nisbah pembahagian<br/>keuntungan</u> |
|--------------------------------------|--|
| 1 Januari, 1986 - 30 September, 1986 | Wong 2 Arshad 1                          |
| 1 Oktober, 1986 - 31 Disember, 1986  | Wong 1 Arshad 1                          |

...6/-

**AKU402**

Encik Wong mempunyai sebuah perniagaan kecil. Kerugian larasan perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990 berjumlah \$12,000. Engik Wong mencarumkan 9% daripada gajinya ke dalam KWSP.

Ia telah berkahwin dan mempunyai 2 orang anak seperti berikut:

- (a) Ah Moi, 18 tahun sedang belajar di Universiti Nanyang di Singapura. Kos tahunan pendidikan dan penjagaan anaknya bagi tahun 1990 berjumlah \$8,000.
- (b) Ah San, 14 tahun telah dihantarkan ke sebuah sekolah khas kanak-kanak cacat di Singapura. Kos tahunan pendidikan dan penjagaan anaknya bagi tahun 1990 berjumlah \$4,000.

**Dikehendaki:**

Tentukan pendapatan Encik Wong yang boleh dicukaikan bagi tahun taksiran 1991.

[15 markah]

3. Tawau Sdn. Bhd. sebuah gedung pakaian yang terbesar di Sabah mempunyai tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember, setiap tahun.

**Perbelanjaan berikut telah dialami:**

- (a) Jendela pameran telah diubahsuai pada tahun 1990 dan suatu "alat pemetik suis" untuk mengawal lampu telah dipasangkan pada kos \$100,000. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh digunakan kerana kawat elektrik belum siap dipasangkan lagi.

Di dalam bulan Januari, 1991, \$25,000 lagi diperlukan untuk meneruskan kerja pemasangan kawat elektrik tersebut.

...7/-

- (b) Sebuah "peralatan penyaman udara" telah digantikan di dalam bulan Jun, 1991 pada kos \$150,000. Termasuk di dalam kos ini ialah \$10,000 yang berhubung dengan pengubahsuaian struktur di dalam bilik peralatan supaya dapat memuatkan peralatan tersebut.
- (c) Di dalam bulan Ogos, 1991, syarikat telah menjual sebuah "mesin menenun" dengan harga \$45,000. Mesin ini telah dibeli 3 tahun lalu dengan harga \$37,500.
- (d) Di dalam bulan September, 1991, syarikat telah membeli sebuah trak bagi tujuan menghantar barang-barang yang telah dipesan kepada pelanggan. Ianya telah dibuat di bawah syarat perjanjian jual beli seperti berikut:

|  | \$            |
|--|---------------|
| Pembayaran deposit   | 5,000         |
| Bayaran ansuran bermula daripada awal bulan Oktober, 1991: |               |
| 36 ansuran x \$600   | 21,600        |
| Opsyen membeli   | 200           |
|  | -----         |
|  | 26,800        |
| Kos faedah sewa beli                                       | 800           |
|  | -----         |
| Kos modal  | <u>27,600</u> |

- (e) Di dalam bulan Disember, 1991, "sistem komputer" yang bernilai \$75,000 telah dibeli untuk memenuhi keperluan perakaunan syarikat. Walau bagaimanapun ia telah rosak dan bahagian yang hendak digantikan akan hanya didapati di dalam tempoh 6 minggu. Buat masa ini sistem komputer itu belum boleh digunakan lagi.

Dikehendaki:

Tentukan elaun modal bagi tahun taksiran 1992.

Kadar tahunan elaun modal ialah:

|           |     |
|-----------|-----|
| Peralatan | 12% |
| Truk      | 20% |
| Komputer  | 12% |

[16 markah]

...8/-

4. (a) Encik Hirohito, seorang pemastautin Malaysia, adalah seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia. Beliau telah menerima ganjaran berikut di dalam tahun 1990 sebagai tambahan kepada pendapatan beliau:

- (i) Suatu geran penyelidikan sebanyak \$30,000 untuk menjalankan kajian "Langkah membuat keputusan oleh pengurus Malaysia".
- (ii) Suatu bayaran sebanyak \$15,000 kerana menterjemahkan buku-buku pengurusan di dalam Bahasa Jepun ke Bahasa Inggeris seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan dengan alasan sama ada setiap amaun yang diterima boleh dikenakan cukai.

[4 markah]

(b) Alpha memiliki rangkaian kedai-kedai dalam tahun 1990, Alpha membeli 3 kedai yang usang di beberapa lokasi dengan tujuan untuk ditambahkan kepada rangkaian kedainya. Kerja pembaikan telah dijalankan ke atas 5 daripada kedainya termasuk pembaikan permulaan ke atas 3 daripada kedai yang usang itu.

Nyatakan dengan sebab sama ada kesemua belanja pembaikan ini boleh ditolakkan daripada pendapatannya.

[2 markah]

(c) Encik Sundram seorang pengurus jualan di Sundram Bhd. telah dipindahkan daripada Sabah ke Kuala Lumpur pada 1 Januari, 1991. Pada 4 bulan pertama di Kuala Lumpur, ia telah diberikan tempat penginapan di Hotel Park Royal dan untuk 8 bulan yang berikutnya di dalam sebuah rumah bangalow di Taman Tun. Ganjarannya bagi tahun 1991 adalah seperti berikut:

|                           |          |
|---------------------------|----------|
| Gaji kasar                | \$60,000 |
| Bonus dan elaun           | \$ 5,000 |
| Caruman KWSP oleh Majikan | \$10,800 |

...9/-

AKU402

|   |                  |
|---|------------------|
| Kereta Proton Saga 1.5<br>automatik 12 injab baru | \$41,000         |
| Sebuah peti televisyen                            | \$ 2,000         |
| Sebuah peti sejuk                                 | \$ 1,500         |
| Elaun penginapan di hotel                         | \$ 2,500 sebulan |
| Sewa rumah bangalow<br>(tanpa kelengkapan)        | \$ 2,000 sebulan |

Tentukan jumlah pendapatan kasar dari penggajian Encik Sundram bagi tahun taksiran 1987.

[5 markah]

5. Sebuah syarikat yang ditubuhkan di Korea telah memenangi suatu kontrak yang ditawarkan oleh kerajaan Malaysia untuk membina suatu jambatan. Amaun berikut telah dibayar kepada syarikat tersebut di dalam tahun 1990:

- (a) \$15 juta bagi pembelian loji dan jentera.
- (b) \$1 juta bagi tambang perkapalan untuk mengangkut loji dan jentera ke Malaysia.
- (c) \$5 juta bagi penyewaan jentera.
- (d) \$2 juta bagi kerja yang dilakukan di Malaysia oleh pekerja syarikat tersebut, dan
- (e) \$100,000 sebagai denda faedah kerana lewat membayar sebahagian daripada harga belian loji dan jentera tersebut.

Terangkan sama ada pembayaran di atas tertakluk kepada cukai potongan dan nyatakan kadar cukai potongan yang berkenaan.

[10 markah]

...10/-

**BAHAGIAN B**

Jawab **SATU** soalan sahaja.

6. (a) Seorang kontraktor yang tidak bermastautin tidak mengemukakan suatu retan cukai pendapatan untuk tahun taksiran 1989 kerana cukai telah dipotong daripada punca pendapatan sebelum bayaran dibuat kepadanya. Suatu taksiran anggaran ke atas pendapatan tersebut bertarikh 1 Disember, 1990 telah dikeluarkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pada 31 Januari, 1990, kontraktor tersebut membuat rayuan "pengurangan cukai" ke atas jumlah cukai yang telah ditaksirkan dibayar.

Terangkan prosedur rayuan ke atas anggaran taksiran tersebut dan bagaimakah rayuan itu boleh dipertimbangkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

[3 markah]

- (b) Comel Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan mengeluarkan peti sejuk. Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan syarikat:

| <u>Bulan</u> | <u>Faedah<br/>oberdraf</u> | <u>Bank<br/>oberdraf</u> | <u>Saham</u> | <u>Pelaburan<br/>Simpanan tetap</u> |
|--------------|----------------------------|--------------------------|--------------|-------------------------------------|
|              | \$                         | \$                       | \$           | \$                                  |
| Januari      | 25,000                     | 280,000                  | 50,000       | 62,000                              |
| Februari     | 18,000                     | 200,000                  | 50,000       | 70,000                              |
| Mac          | 15,000                     | 180,000                  | 50,000       | 40,000                              |
| April        | 12,000                     | 140,000                  | 50,000       | 90,000                              |
| Mei          | 17,000                     | 180,000                  | 50,000       | 120,000                             |
| Jun          | 17,000                     | 200,000                  | 50,000       | 130,000                             |
| Julai        | 16,000                     | 170,000                  | 50,000       | 130,000                             |
| Ogos         | 14,000                     | 140,000                  | 50,000       | 100,000                             |
| September    | 12,000                     | 150,000                  | 50,000       | 70,000                              |
| Oktober      | 15,000                     | 180,000                  | 80,000       | 70,000                              |
| November     | 15,000                     | 180,000                  | 80,000       | 60,000                              |
| Disember     | 16,000                     | 200,000                  | 80,000       | 40,000                              |

...11/-

**Dikehendaki:**

- (i) Menentukan jumlah faedah yang dibenarkan ditolak daripada pendapatan perniagaan.
- (ii) Menentukan jumlah faedah yang telah dikira di (i) di atas yang dibenarkan ditolak daripada pendapatan pelaburan syarikat.

[10 markah]

- (c) Encik Albert Chua adalah seorang mastautin Malaysia bagi tahun taksiran 1990 dan 1991. Maklumat mengenai pendapatannya adalah seperti berikut:

(i) Percetakan Teliti

Sejenis perniagaan peniaga tunggal dan perniagaan dimulakan pada tahun 1980. Akaunnya disediakan bagi tahun berakhir 30 Jun. Pendapatan kerugian larasan dan elaun/caj yang berhubung dengan perniagaan adalah seperti berikut:

|                                | Tahun berakhir<br>30 Jun, 1989 | Tahun berakhir<br>30 Jun, 1990 |
|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| Pendapatan/kerugian<br>larasan | \$ (4,800)                     | \$ 22,250                      |

|                | Tahun taksiran<br>1989 | Tahun taksiran<br>1990 |
|----------------|------------------------|------------------------|
| Elaun modal    | \$ 23,500              | \$ 7,025               |
| Caj imbangan   | \$ 25,200              | \$ -                   |
| Elaun imbangan | \$ -                   | \$ 3,275               |

...12/-

**(ii) Pendapatan sewa**

Akaun bagi pendapatan sewa telah disediakan sehingga 30 Jun setiap tahun.

|  | Tahun berakhir<br>30 Jun, 1989 | Tahun berakhir<br>30 Jun, 1990 |
|--|--------------------------------|--------------------------------|
|  | \$                             | \$                             |
| Pendapatan Malaysia/<br>kerugian larasan | (3,700)                        | 14,900                         |
| Singapura (pendapatan<br>larasan)        | 4,900<br>(nota 1)              | 400<br>(nota 2)                |

**Nota:**

- (1) Hanya \$3,870 telah dihantarkan ke Malaysia pada 3 Jun, 1988.
- (2) Tiada yang dihantar ke Malaysia.

**Dikehendaki:**

Tentukan pendapatan yang boleh dicukaikan oleh Encik Albert Chua bagi tahun taksiran 1990 dan 1991.

[7 markah]

7. (a) Sebuah syarikat menunjukkan maklumat berikut bagi 3 tahun berakhir pada 30 September, 1988, 1989 dan 1990 masing-masing:

| Tahun berakhir 30 September                              | 1988    | 1989  | 1990    |
|--|---------|-------|---------|
| Keuntungan daripada sumber perniagaan yang boleh dicukai | 150,000 | -     | 120,000 |
| Pendapatan faedah<br>(diterima pada 30 Jun setiap tahun) | 4,000   | 2,000 | 1,500   |

...13/-

**Sebagai tambahan, syarikat menerima dividen (bersih) seperti berikut:**

|                          | \$           |
|--------------------------|--------------|
| <b>30 November, 1987</b> | <b>9,750</b> |
| <b>30 November, 1988</b> | <b>6,500</b> |
| <b>30 November, 1989</b> | <b>3,250</b> |
| <b>30 November, 1990</b> | <b>4,875</b> |

Pada 15 Disember, setiap tahun, syarikat membayar dividen sebanyak 10% daripada modal saham yang diterbitkan.

Syarikat mempunyai modal saham diterbitkan sebanyak \$1,000,000 sehingga tarikh 30 Jun, 1990 dan selepas tarikh itu modal saham telah ditambahkan sebanyak \$100,000. Syarikat tidak mempunyai baki kredit di bawah Seksyen 108(b) pada awal tahun taksiran 1989.

#### Dikekehendaki:

**Kirakan baki Seksyen 108(b) bagi tahun taksiran 1989, 1990 dan 1991.**

[10 markah]

- (b) Encik Arigano adalah seorang pemilik perniagaan Tekstil yang terkemuka. Beliau mempunyai beberapa orang pekerja untuk membantunya. Pada tahun berakhir 31 Disember, 1990, beliau membuat tuntutan-tuntutan seperti berikut:

(i) Perbelanjaan keraian yang berjumlah \$3,500 terdiri daripada:

(1) Majlis makan malam dan tarian tahunan untuk pekerjanya yang mana di masa itu seorang pelangqan juga turut hadir \$1,500

|  |         |
|--|---------|
| (2) Majlis makan malam untuk pelanggan-pelanggannya yang mana pada masa itu seorang pekerja juga turut hadir | \$ 700  |
| (3) Perbelanjaan percutian, penginapan, makanan dan pengangkutan untuk pelanggan-pelanggan                   | \$1,300 |
| (ii) Denda   | \$ 200  |

Pemandu kereta Encik Arigano telah ditahan oleh polis trafik kerana telah memandu lebih daripada had kelajuan yang dibenarkan semasa membawa Encik Arigano berjumpa dengan pelanggannya. Denda tersebut telah dibayar, oleh Encik Arigano dan dicajkan ke dalam akaun perniagaannya sungguhpun kesalahan-kesalahan telah dilakukan oleh pemandundanya.

Tentukan perbelanjaan Encik Arigano yang dibenarkan ditolak bagi tahun taksiran 1991.

[5 markah]

- (c) Terangkan pengecualian faedah yang diberikan berhubung dengan faedah daripada:
- Simpanan tetap di Bank Simpanan Nasional.
  - Simpanan semasa di dalam persatuan koperatif yang didaftarkan.
  - Akaun pelaburan di Bank Islam Malaysia Bhd.

[3 markah]

- (d) Mengapakah pendapatan penggajian dan pendapatan perniagaan perlu dibezaikan?

[2 markah]

...15/-

LAMPIRAN A - Nilai Manfaat atau Kemudahan  
berupa barang yang disediakan oleh majikan anda

1. Secara umum, nilai tahunan manfaat berupa barang yang disediakan oleh majikan anda dikira mengikut formula berikut:

Kos aset yang mendatangkan manfaat/kemudahan = nilai manfaat setahun  
tempoh purata umur aset  
yang ditetapkan

Kos bermakna kos sebenar yang ditanggung oleh majikan anda atau nilai pasaran aset. Purata semasa umur aset yang ditetapkan bagi berbagai-bagi aset adalah seperti berikut:

| Aset  | Purata umur yang ditetapkan |
|---|-----------------------------|
| 1) Kereta                                   | 8 tahun                     |
| 2) Perabot dan Kelengkapan:                 |                             |
| Kain langsir, permaidani                    | 5 tahun                     |
| Perabot, mesin jahit                        | 15 tahun                    |
| Penyaman udara                              | 8 tahun                     |
| Peti sejuk                                  | 10 tahun                    |
| 3) Perkakas dapur                           | 6 tahun                     |
| 4) Hiburan dan Rekreasi:                    |                             |
| Piano                                       | 20 tahun                    |
| Organ                                       | 10 tahun                    |
| Televisyen warna, perakam video, set stereo | 7 tahun                     |
| Kolam renang, suana                         | 15 tahun                    |
| 5) Pelbagai:                                |                             |
| Telefon bergerak                            | 10 tahun                    |

2. Kereta Dan Manfaat Berkaitan

Dalam kes di mana kereta diperuntukkan manfaat yang akan ditaksir ialah nilai kegunaan persendirian kereta tersebut dan bahanapi yang diperuntukkan.

Jadual berikut menunjukkan nilai untuk manfaat berkenaan yang akan ditaksir:

| Kos kereta (yang baru) | Nilai tahunan kegunaan kereta persendirian | Bahanapi (setahun) |
|------------------------|--|--------------------|
| Sehingga M\$40,000     | M\$1,200                                   | M\$ 600            |
| 40,001 - 75,000        | 2,400                                      | 900                |
| 75,001 - 100,000       | 3,600                                      | 1,200              |
| 100,001 - 150,000      | 4,800                                      | 1,500              |
| 150,001 - 200,000      | 6,000                                      | 1,800              |
| 200,001 - 250,000      | 7,800                                      | 2,100              |
| 250,001 dan ke atas    | 9,600                                      | 2,400              |

Di mana umur kereta adalah melebihi 5 tahun nilai manfaat kereta yang akan ditaksirkan adalah bersamaan dengan separuh dari kadar di atas tetapi nilai bahanapi tidak berubah.

Jika anda mempertikaikan nilai di atas, anda hendaklah membincangkan perkara itu dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Semasa menimbangkan tuntutan anda, formula di perenggan 1 di atas akan digunakan tetapi pengurangan sebanyak 20% untuk baki nilai boleh diberi dan pengurangan selanjutnya bagi kegunaan perniagaan boleh dipertimbangkan. Untuk membuktikan tuntutan kegunaan perniagaan, rekod yang terperinci dan mencukupi mestilah disediakan.

Jika anda diperuntukkan seorang pemandu, nilai manfaat bagi kegunaan persendirian adalah ditetapkan sebanyak M\$50 sebulan.

3. Kelengkapan Rumah, Perkkas dan lain-lain

Untuk mengelakkan perkiraan yang terperinci, majikan boleh, selain daripada menggunakan formula di atas, menentukan nilai-nilai kelengkapan rumah, perkakas dan lain-lain seperti berikut:

(i) Separuh lengkap dengan perabot di ruang tamu, bilik makan, atau bilik tidur. M\$50 sebulan (M\$600 setahun)

(ii) Separuh lengkap dengan perabot seperti dalam (i) di atas dan satu atau lebih kelengkapan berikut:

Penyaman udara M\$100 sebulan  
Kain langsir (M\$1,200 setahun)  
Permaidani

(iii) Lengkap sepenuhnya seperti dalam (i) dan (ii) di atas serta perkakas dapur atau pinggan manguk atau peralatan dan perkakas-perkakas. M\$200 sebulan (M\$2,400 setahun)

Kipas angin dan pemanas air tidak diambil kira kerana alat-alat itu dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

AKU402

LAMPIRAN B

Cukai kena dibayar oleh seorang individu yang bermastantin

|                          | Pendapatan boleh<br>kena cukai<br>\$ | Kadar<br>% | Cukai kena<br>dibayar<br>\$ |
|--------------------------|--------------------------------------|------------|-----------------------------|
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>2,500</b>                         | <b>4</b>   | <b>100</b>                  |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>2,500</b>                         | <b>7</b>   | <b>175</b>                  |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>5,000</b>                         |            | <b>275</b>                  |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>5,000</b>                         | <b>10</b>  | <b>500</b>                  |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>10,000</b>                        |            | <b>775</b>                  |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>10,000</b>                        | <b>12</b>  | <b>1,200</b>                |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>20,000</b>                        |            | <b>1,975</b>                |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>15,000</b>                        | <b>17</b>  | <b>2,550</b>                |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>35,000</b>                        |            | <b>4,525</b>                |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>15,000</b>                        | <b>22</b>  | <b>3,300</b>                |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>35,000</b>                        |            | <b>4,525</b>                |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>20,000</b>                        | <b>27</b>  | <b>5,000</b>                |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>70,000</b>                        |            | <b>13,225</b>               |
| <b>Atas yang berikut</b> | <b>30,000</b>                        | <b>32</b>  | <b>9,600</b>                |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Atas yang pertama</b> | <b>100,000</b>                       |            | <b>22,825</b>               |
|                          | -----                                |            | ---                         |
| <b>Lebih daripada</b>    | <b>100,000</b>                       | <b>35</b>  | <b>35,000</b>               |

----ooo000ooo----